



SIARAN AKHBAR

JERAYAWARA KESEDARAN KEWANGAN SEKOLAH MENENGAH ARAB LAKI-LAKI HASSANAL BOLKIAH

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB), dengan kerjasama Persatuan Perancangan Kewangan Negara Brunei Darussalam (FPAB) dan Junior Achievement (JA), baru-baru ini telah mengadakan jerayawara kesedaran kewangan.
2. Jerayawara ini bertujuan untuk meningkatkan celik kewangan serta memupuk gaya hidup kewangan yang sihat.
3. Lebih daripada 370 penuntut-penuntut tingkatan enam SMALHB telah menghadiri jerayawara tersebut. Jerayawara tersebut meliputi taklimat-taklimat kewangan dan aktiviti interaktif berhubung dengan hal-hal pengurusan kewangan, termasuk menabung, cara-cara membajet, pengurusan pinjaman, kewangan Islam dan cara-cara mengenalpasti ciri-ciri penipuan kewangan.
4. Mana-mana organisasi atau agensi yang berminat untuk mengadakan jerayawara kesedaran kewangan atau kursus perancangan kewangan bolehlah menghubungi kami di info@ambd.gov.bn atau hubungi kami di talian 2388388.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Ruj: AMBD/COMMS/3

Tarikh : 2 Rejab 1441 / 26 Februari 2020